

Pemuda tidak pamer nombor pendaftaran motosikal didenda

MIRI: Seorang pemuda didenda RM900 atau lapan hari penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas dua pertuduhan tidak mempamerkan nombor pendaftaran motosikal yang ditungganginya.

Tertuduh, Willson Kiew Zhi Sheng, 20, dari Tudan Fasa 1 di sini, didakwa mengikut Seksyen 14(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333/87) dan dihukum di bawah Seksyen 14(4) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda tidak kurang dari RM300 dan tidak melebihi RM3,000, jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan dihadapi.

Berdasarkan kes pertama,

tertuduh sebagai penunggang sebuah motosikal dengan nombor pendaftaran QM46xxx, didapati tidak mempamerkan nombor pendaftaran di bahagian hadapan motosikal yang ditungganginya itu.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 5.48 petang, 8 Februari 2025 di Jalan Malva di sini.

Manakala dalam kes kedua, tertuduh sebagai penunggang motosikal yang sama didapati telah melakukan kesalahan serupa pada jam 4.41 petang, 15 Februari 2025 di Jalan Piasau di sini.

Bagi kesalahan pertama dan kedua, tertuduh masing-masing didenda RM450 atau empat hari penjara.